

POLISI PENERBITAN BAB DALAM BUKU (*BOOK CHAPTERS*) UTM

Nama Polisi	:	Polisi dan Prosedur Penerbitan Bab dalam Buku (<i>Book Chapters</i>) UTM
Nombor Polisi	:	UTM P.I.0.4
Diluluskan oleh	:	Senat UTM Bil.11 2013/2014: 9 Julai 2014
Tarikh Kuatkuasa	:	1 Ogos 2014
Semakan Terakhir	:	8 April 2015

SEKSYEN 1 –PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk memantapkan secara menyeluruh polisi yang berkaitan dengan penerbitan bab dalam buku atau *book chapters* yang **berasaskan penyelidikan**.

1.2 SKOP

Penerbitan *book chapters* ini merupakan wadah penerbitan untuk membolehkan staf akademik menyumbang keilmuan mereka menerusi bidang penulisan. Secara tidak langsung, staf akademik juga menyumbang kepada peningkatan khazanah ilmu yang memberi impak kepada status UTM sebagai Universiti Penyelidikan.

1.3 SINGKATAN

Perkataan/Istilah	Definisi
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
ISBN	International Standard Book Number
MyRA II	Instrument Malaysia Research Assessment II
RG	Kumpulan Penyelidik
CoE	Pusat Kecemerlangan
RG	Penyelidikan Bersekutu
SPS	Sekolah Pengajian Siswazah
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan
PTJ	Pusat Tanggungjawab

1.4 KONTEKS PERUNDANGAN

Merujuk kepada Kod Etika Profesional dan Akademik UTM, Garis Panduan Dasar Penerbitan Akademik, dan Akta Hak Cipta 1987.

SEKSYEN 2 – POLISI

2.1 POLISI

Penerbitan *book chapters* meliputi beberapa perkara utama yang dijadikan polisi, iaitu:

- (i) Harta Intelek.
- (ii) *Book Chapters*.
- (iii) Berasaskan Penyelidikan.
- (iv) Aktiviti Pemasaran.
- (v) Pembayaran Insentif.
- (vi) Kualiti Penerbitan.
- (vii) Strategi Pelaksanaan.

SEKSYEN 3 – PROSEDUR

3.1 HARTA INTELEK

- 3.1.1 Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memartabatkan integriti dan etika penerbitan.
- 3.1.2 Pengarang bertanggungjawab dalam memastikan keaslian karya atau manuskrip yang diterbitkan.
- 3.1.3 Seorang penilai luar dari UTM akan dilantik bagi memperakukan penerbitan sebuah *book chapters*.
- 3.1.4 Hasil karya yang ingin diterbitkan adalah bebas plagiat, bukan palsu, atau fabrikasi.
- 3.1.5 Hasil penerbitan mesti memenuhi dan mematuhi Undang-undang Hak Cipta.
- 3.1.6 Setiap *book chapters* yang bakal diterbitkan mempunyai nombor siri ISBN yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

3.2 BAB DALAM BUKU (*BOOK CHAPTERS*)

Bab dalam buku (*book chapters*) terbahagi kepada dua, iaitu :

- i. *Compiled chapters* dalam satu *edited volume*.
- ii. Bab tersendiri (*loose chapters*) dalam pelbagai *edited volume*

3.2.1 COMPILED CHAPTERS DALAM SATU EDITED VOLUME.

Edited Volume terbitan Penerbit UTM Press yang lengkap mengandungi elemen berikut

- 3.2.1.1 Jumlah halaman sesebuah *book chapters* melebihi 50 halaman (minimum)
- 3.2.1.2 Sebuah sekurang-kurangnya mempunyai 5-7 bab.
- 3.2.1.3 Sebuah *edited volume* diselenggara tidak melebihi dua (2) orang editor.
- 3.2.1.4 Editor bertanggungjawab bagi mengurus manuskrip, menyunting bahan, membaca pruf, dan membuat indeks.
- 3.2.1.5 Setiap bab tidak melebihi empat (4) orang penulis.
- 3.2.1.6 Saiz *edited volume* ialah 6 inci x 9 inci
- 3.2.1.7 Setiap *edited volume* mesti mengandungi indeks.
- 3.2.1.8 Kulit luar *edited volume* mengandungi judul buku, editor dan lambang Penerbit UTM Press.
- 3.2.1.9 Manuskrip disahkan oleh TD(P&I) fakulti masing-masing atau Dekan RA.

3.2.2 BAB TERSENDIRI (*LOOSE CHAPTERS*)

3.2.2.1 Bab tersendiri (*loose chapters*) yang diterbitkan oleh penerbit luar akan diambil kira sebagai satu bab.

3.3 BERASASKAN PENYELIDIKAN

3.3.1 Hasil karya dalam *book chapters* perlu mempunyai tahap ilmiah yang berkualiti berasaskan:

- (i) Laporan penyelidikan.
- (ii) Kajian di lapangan.
- (iii) Kajian di makmal.
- (iv) Kajian kepustakaan.

3.3.2 Sumber bahan penerbitan adalah daripada Projek Sarjana Muda (20%) dan tesis Sarjana Kerja Kursus dan Penyelidikan (80%) yang dihasilkan setiap tahun di UTM.

3.3.3 Staf akademik perlu menyumbang **dua (2) bab dalam tempoh setahun** bagi menjayakan status Universiti Penyelidikan UTM, atas semangat kesepakatan, keterangkuman, dan keterlibatan.

3.4 PROSES PENERBITAN DI PENERBIT UTM PRESS

3.4.1 Pelantikan editor adalah berdasarkan pakar bidang yang dipilih oleh fakulti.

3.4.2 Pelantikan penilai *edited volume* adalah dari luar UTM yang dipilih oleh fakulti.

3.4.3 Semua deraf akhir (*camera ready copy*) yang dihantar selepas **31 Ogos tahun semasa** akan diterbitkan pada tahun berikutnya.

3.4.4 Penerbitan *book chapters* mengikut garis panduan format UTM.

3.4.5 Khidmat grafik disediakan oleh Penerbit UTM Press untuk mereka bentuk kulit buku.

3.5 AKTIVITI PEMASARAN

3.5.1 Penerbit UTM Press bertanggungjawab memasarkan *book chapters*.

3.5.2 Mengenal pasti *book chapters* yang berpotensi dan bersifat komersil untuk dipasarkan.

3.5.3 Mewujudkan mekanisme pembelian bab secara *online*.

3.5.4 Mencetak *book chapters* berdasarkan permintaan (*print on demand*) untuk mengelakkan lambakan stok.

3.5.5 Jumlah yang wajib dicetak oleh Penerbit UTM Press ialah 30 naskhah.

3.6 PEMBAYARAN INSENTIF

3.6.1 Pembayaran insentif dibuat berdasarkan kemampuan kewangan semasa, sepertimana berikut

- (i) Editor (RM800.00 bagi setiap buku)

- (ii) Penilai (RM400.00 bagi setiap buku)
- (iii) Penulis (RM100.00 bagi setiap bab)

3.6.2 Sekiranya jumlah penerbitan *book chapters* diperbanyakkan, pembayaran royalti akan dibuat berdasarkan peraturan sedia ada (kadar peratus berasaskan bilangan *book chapters* yang terjual).

3.7 KUALITI PENERBITAN

- 3.7.1 Penerbitan *book chapters* memenuhi keperluan pengauditan MYRA II.
- 3.7.2 Pengarang menghasilkan penulisan berasaskan kajian berimpak tinggi.
- 3.7.3 Pengarang memastikan penerbitan *book chapters* yang berkualiti.

3.8 STRATEGI PELAKSANAAN

- 3.8.1 Pihak Universiti perlu menggerakkan dan mengupayakan kerjasama yang lebih kukuh dan strategik (sinergi) dengan pelbagai pihak termasuklah:
 - (i) Kumpulan Penyelidik (RG).
 - (ii) Pusat Kecemerlangan (COE).
 - (iii) Penyelidikan Bersekutu (RA).
 - (iv) Fakulti-fakulti.
 - (v) Sekolah Pengajian Siswazah (SPS).
 - (vi) Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
 - (vii) Perpustakaan UTM.
- 3.8.2 Kesemua PTJ yang tersebut di atas mewajibkan setiap ahli menyumbang kepada penerbitan *book chapters*.
- 3.8.3 Penerbit UTM Press akan bekerjasama dengan sebarang PTJ untuk mengadakan siri-siri bengkel bagi menggalakkan penulisan ilmiah sama ada dalam *book chapter*, buku penyelidikan, jurnal, dan buku karya asli.

3.9 DOKUMEN SOKONGAN

- (i) Kod Etika Profesional dan Akademik UTM.
- (ii) Garis Panduan Dasar Penerbitan Akademik.
- (iii) Akta Hak Cipta 1987

SEKSYEN 4 – GOVERNANS

4.1 TANGGUNGJAWAB

PENGURUS POLISI	<ul style="list-style-type: none">i. Pengarah Penerbit UTM <i>Press</i>.ii. Pegawai Penyelaras Buku Penyelidikan & <i>Book Chapters</i>.
------------------------	---

4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
Baru	9 Julai 2014	Senat UTM	tada
Baru	8 April 2015	Senat UTM	Pertama